UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

Putuskan rantaian jangkitan COVID-19
CORONAVIRUS DISEASE 19

# PERANAN KETUA PUSAT TANGGUNGJAWAB TERHADAP RANTAIAN COVID-19



## KATEGORI A

Staf anda ialah pesakit yang telah **DISAHKAN POSITIF COVID-19**



**Pastikan staf anda:**

- Berada di hospital untuk rawatan
- **TIDAK KEMBALI BERTUGAS** sehingga pulih sepenuhnya dan diberi pelepasan kuarantin oleh pihak Kementerian Kesihatan Malaysia
- **DIBENARKAN** kembali bertugas setelah keputusan COVID-19 disahkan negatif dan tamat tempoh kuarantin

## KATEGORI B

Staf anda ialah individu yang ada **KONTAK RAPAT** dengan individu dari **Kategori A**

**Pastikan staf anda:**

- **TIDAK KEMBALI BERTUGAS**
- Mematuhi tempoh kuarantin seperti yang diarahkan oleh pihak Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM)

**Pastikan staf anda menjalani Ujian Pengesahan COVID-19 yang dibuat oleh KKM**

**Sekiranya Ujian COVID-19 staf terbabit ialah POSITIF**

- Staf anda ialah **Kategori A**
- Staf terbabit perlu berada di hospital untuk rawatan
- Staf terbabit perlu memaklumkan keputusan ujian saringan kepada Ketua PTJ dan Pusat Kesihatan/ Unit Kesihatan Kampus Cawangan

**Sekiranya Ujian COVID-19 staf terbabit ialah NEGATIF**

- Staf terbabit akan menjalani *Home Surveillance* selama 14 hari
- Pastikan staf TIDAK KEMBALI bertugas sehingga diberi pelepasan isolasi oleh pihak Kementerian Kesihatan Malaysia

## KATEGORI C

Staf anda ialah individu yang ada **KONTAK RAPAT** dengan individu dari **Kategori B**

**Pastikan staf anda:**

- **TIDAK KEMBALI BERTUGAS**
- Mematuhi arahan kuarantin/ isolasi dari Pusat Kesihatan/ Unit Kesihatan Kampus Cawangan

**Pastikan anda dimaklumkan mengenai keputusan Ujian Pengesahan COVID-19 KONTAK RAPAT STAF TERBABIT yang akan dibuat oleh KKM**

**Sekiranya Ujian COVID-19 KONTAK RAPAT staf terbabit ialah POSITIF**

- Staf anda ialah tergolong dalam **Kategori B**
- Pastikan staf anda TIDAK KEMBALI bertugas
- Pastikan staf anda menjalani ujian saringan COVID- 19 di fasiliti KKM

**Sekiranya Ujian COVID-19 KONTAK RAPAT staf terbabit ialah NEGATIF**

- Pastikan staf terbabit memaklumkan keputusan ujian saringan kepada ketua PTJ dan Pusat Kesihatan/ Unit Kesihatan Kampus Cawangan
- Pastikan staf terbabit menyerahkan notis pelepasan isolasi dari Pusat Kesihatan/Unit Kesihatan Kampus Cawangan
- Staf terbabit boleh dibenarkan kembali bertugas

## KATEGORI D

Staf anda ialah individu yang ada **KONTAK RAPAT** dengan individu dari **Kategori C**

atau

## KATEGORI E

Staf anda ialah individu yang **TIADA KAITAN** dengan Kategori **A, B, C** atau **D**

**Tiada halangan untuk staf kategori ini kembali bertugas**

- Ketua PTJ perlu menyediakan jadual penggiliran tugas untuk staf dan memastikan staf bertugas mengikut penggiliran yang telah disediakan
- Memastikan staf kekal mematuhi arahan KKM seperti penjarakkan sosial (1 meter), kerap membasuh tangan dan mengamalkan etika batuk yang baik
- Memastikan staf tidak menghadiri perhimpunan ramai
- Memastikan staf mendapatkan rawatan di hospital berhampiran jika mengalami gejala respiratori seperti batuk, sakit tekak, sesak nafas atau demam

***Nota:*** Maksud **KONTAK RAPAT** ialah :

- Ahli keluarga serumah/ahli dari kumpulan kecil yang sama (tidur/makan bersama) dengan Kategori A
- Bersemuka lebih dari 15 minit dalam jarak kurang dari 1 meter di ruang tertutup dengan Kategori A
- Tidak bersemuka tapi bersama di dalam bilik air cond tertutup melebihi 2 jam dengan Kategori A
- Menaiki kenderaan yang sama dalam jarak 2 kerusi melebihi 2 jam dengan Kategori A

**BERSALAM** DENGAN INDIVIDU DISAHKAN POSITIF COVID-19 (KATEGORI A) **TIDAK DIKIRA KONTAK RAPAT**

*Menyerlahkan Potensi Membentuk Masa Hadapan*

QS World University Rankings TOP 651 - 700 2020 | THE World University Rankings 2020 TOP 1001+ | UI GreenMetric | Premier Digital Tech University

#kitauitm